



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 74

No. 4 . . .

18hb Februari 2021

*TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN*

N.S. P.U. 1.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SEMBILAN) 2003

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

GOLONGAN ANTI HADIS

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 *[Enakmen No. 10/ 2003]*, Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Bahawa fahaman dan ajaran yang menolak hadis (anti hadis) adalah bercanggah dengan syariat Islam. Antara percanggahan dan penyelewengan golongan anti hadis ini dari sudut Aqidah, Syariah dan Akhlak Islamiyyah adalah seperti berikut:

(a) Dari sudut Aqidah:

- (i) menolak hadis secara total sebagai sumber aqidah dan perundangan Islam;
- (ii) menolak dua kalimah Syahadah;
- (iii) menolak Rukun Iman: Percaya kepada Qadha dan Qadar;

- (iv) memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat al-Quran;
- (v) mempertikaikan kesahihan ayat-ayat al-Quran;
- (vi) mendakwa hari Kiamat akan berlaku pada 1710H atau tahun 2280M;
- (vii) menolak berlakunya seksaan kubur selepas mati;
- (viii) menafikan kedudukan Nabi Adam sebagai manusia pertama;
- (ix) menolak kemaksuman para Nabi; dan
- (x) menghina peribadi Nabi dan kedudukan Rasulullah S.A.W.

(b) Dari sudut Syariah:

- (i) menolak pensyariatan solat; dan
- (ii) menolak ketetapan hukum fiqh Islam tentang "Aurat Wanita".

(c) Dari sudut Akhlak:

- (i) mencerca dan menfitnah Ulama';
- (ii) mencabar dan mempertikaikan kewibawaan Pihak Berkuasa Agama; dan
- (iii) tidak mengikut Displin Ilmu-Ilmu Islam.

2. Fahaman dan ajaran golongan yang menolak hadis ini terkandung antara lain dalam buku-buku dan risalah seperti berikut:

- (a) Buku-buku "Hadis Satu Penilaian Semula" dan "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik" yang ditulis oleh Kassim Ahmad;
- (b) Buku-buku "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu" dan "Hadith di dalam Al-Quran" yang ditulis oleh Idris Abdul Rahman;
- (c) Buku "Bacaan" yang ditulis oleh Othman Ali;
- (d) Buku "The Computer Speaks: God's Message to The World" yang ditulis oleh Dr. Rashad Khalifa"; dan
- (e) Risalah "Iqra" terbitan Jemaah al-Quran, Malaysia.

3. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang—
- (i) menganut, mengamal, menjadi ahli atau pengikut fahaman dan ajaran anti hadis;
 - (ii) berpegang pada fahaman dan ajaran yang terkandung dalam buku-buku dan risalah-risalah anti hadis yang boleh menyebabkan terkeluar dalam Islam;
 - (iii) menyebarkan, membantu, menganjur, mempromosi fahaman dan ajaran anti hadis atau menghadiri apa-apa majlis atau perjumpaan yang dikaitkan dengan fahaman dan ajaran anti hadis; atau
 - (iv) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau apa-apa bahan yang dikaitkan dengan fahaman dan ajaran anti hadis.
4. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran anti hadis adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.

Dibuat 1 Oktober 2020

[JMKNNNS.BPK.100-32/1; PUNS 100/2/4 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
 Negeri Sembilan*

N.S. P.U. 2.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SEMBILAN) 2003

[*Enakmen No. 10/2003*]

PEMBERITAHUAN FATWA

AJARAN TAPEDIRI 65 ATAU BA THA MIM 114

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [*Enakmen No. 10/2003*], Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan *Fatwa* seperti yang berikut:

1. Ajaran TAPEDIRI 65 atau BA THA MIM 114 merupakan ajaran sesat dan menyeleweng yang boleh membawa kepada kerosakan akidah orang Islam. Mana-mana orang Islam yang terlibat hendaklah segera meninggalkan ajaran tersebut dan bertaubat.

2. Ciri-ciri penyelewengan ajaran TAPEDIRI 65 atau BA THA MIM 114 adalah seperti yang berikut:

- (a) penggunaan “jurus dan pukul tidak kena” dalam aktiviti persilatan mengandungi perkara-perkara meragukan dan unsur-unsur kebatinan yang bercanggah dengan ajaran agama Islam serta mempunyai persamaan dengan kumpulan Nasrul Haq yang sudah difatwakan sesat;
- (b) perbuatan “Topup” bagi memberikan kembali semangat adalah khurafat;
- (c) perbuatan mewajibkan ahli beramal sebagai syarat kemasukan ke dalam kumpulan adalah menyalahi konsep ikhlas dalam Islam kerana perbuatan tersebut akan menjadikan pengikutnya melakukan sesuatu amalan bukan kerana Allah S.W.T.;
- (d) konsep dakwah melalui unsur-unsur kebatinan dalam persilatan boleh mengundang kerosakan yang lebih besar kepada akidah orang Islam;
- (e) beberapa buku yang digunakan oleh kumpulan ajaran ini didapati mengandungi banyak kesalahan seperti kesalahan ayat al-Quran pada muka surat tertentu, wujud perkataan-perkataan yang tidak diketahui maksud sebenar, kesilapan tatabahasa, penggunaan terjemahan ayat al-Quran yang salah dan tidak mengikut kaedah (menggunakan huruf roman), penggunaan hadith palsu serta terdapat kalimah yang digunakan tidak dapat difahami.

3. Bahawa orang-orang Islam adalah dilarang—

- (a) mengamalkan apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran tersebut termasuklah apa-apa pegangan, ideologi, atau amalan yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam; atau
- (b) memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedarkan apa-apa filem, rakaman audio, buku-buku, risalah-risalah atau apa-apa terbitan atau apa-apa dokumen yang boleh mengaitkan dengan ajaran TAPEDIRI 65 atau BA THA MIM 114.

4. Mana-mana orang Islam yang telah berbai’ah atau mengamalkan fahaman atau ajaran Tapediri 65 atau BA THA MIM 14 adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran agama Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah S.W.T.

Dibuat 1 Oktober 2020

[JMKNNNS.BPK.100-32/1: PUNS 100/2/4 Jld. 2]

DATO’ HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

N.S. P.U. 3.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

AJARAN DAN FAHAMAN HIZBUT TAHRIR

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [Enakmen No. 10/2003], Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Ajaran dan fahaman Hizbut Tahrir adalah bercanggah dengan pegangan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Negeri Sembilan berdasarkan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan aliran Hizbut Tahrir.
2. Percanggahan ajaran dan fahaman Hizbut Tahrir dengan pegangan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah adalah seperti berikut:
 - (a) bahawa pemerintah, ahli Parlimen dan para ulama' Islam kesemuanya kafir serta harus diperangi kerana menerima sistem kufur;
 - (b) negara-negara Islam semuanya negara kafir kerana berhukum dengan sistem kufur dan haram menyertai sistem kerajaan sekarang;
 - (c) menafikan istilah "*al-Qada' wa al-Qadar*";
 - (d) berpegang kepada fahaman *Qadariyyah*;
 - (e) akidah *Siyasiyyah* lebih penting daripada akidah *Ruhiyyah*;
 - (f) menolak sumber akidah melalui hadith *Ahad* kerana boleh membawa kesesatan kerana hadith *Ahad* itu merupakan dalil *zanni* sedangkan akidah itu keyakinan; dan
 - (g) bahawa Nabi dan Rasul tidak maksum sebelum diangkat menjadi Nabi atau Rasul.
3. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan memutuskan bahawa fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir adalah bertentangan dengan pegangan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang—
 - (a) menganut, mengamal, menjadi ahli atau pengikut fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir, melalui pengakuan bersumpah atau apa-apa kaedah lain yang berlawanan dengan pegangan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah;

- (b) mengajar, menyebarkan, menghidup, menganjur, mempromosi fahaman dan ajaran atau menghadiri apa-apa perayaan, sambutan keraian atau majlis yang dikaitkan dengan ajaran atau fahaman Hizbut Tahrir; atau
 - (c) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau apa-apa bahan yang dikaitkan dengan ajaran atau fahaman Hizbut Tahrir.
4. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran agama Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah S.W.T.

Dibuat 1 Oktober 2020

[JMKNNNS.BPK.100-32/1: PUNS 100/2/4 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

N.S. P.U. 4.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SEMBILAN) 2003

[*Enakmen No. 10/2003*]

PEMBERITAHUAN FATWA

AJARAN ZIKIR ALUNAN ZAT CINTA ATAU HIKMAH AL-FATIAH DARIPADA
MOHD ZAMAN BIN MOHD NOR

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [*Enakmen No. 10/ 2003*], Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Bahawa ajaran Zikir Alunan Zat Cinta atau Hikmah al-Fatihah yang dibawa oleh Mohd Zaman bin Mohd Nor adalah bercanggah dan bertentangan dengan ajaran Islam.
2. Percanggahan dan pertentangan ajaran Zikir Alunan Zat Cinta atau Hikmah al-Fatihah adalah seperti yang berikut:
 - (a) menyamakan sifat Allah SWT dengan sifat makhluk;
 - (b) menambahkan bacaan dalam solat;
 - (c) menggunakan nas-nas atau dalil-dalil daripada sumber yang tidak sahih dan diragui;

- (d) mentafsirkan al-Quran dan hadith mengikut tafsiran sendiri; dan
 - (e) meninggalkan solat Juma'at.
3. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang—
- (a) menganut, mengamal, menjadi ahli atau pengikut ajaran Zikir Alunan Zat Cinta atau Hikmah al-Fatihah;
 - (b) mengajar, menyebarkan, membantu, menganjur, mempromosi ajaran atau menghadiri apa-apa majlis atau perjumpaan yang dikaitkan dengan ajaran Zikir Alunan Zat Cinta atau Hikmah al-Fatihah; atau
 - (c) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau apa-apa bahan yang dikaitkan dengan ajaran Zikir Alunan Zat Cinta atau Hikmah al-Fatihah.
4. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Zikir Alunan Zat Cinta atau Hikmah al-Fatihah adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran agama Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah S.W.T.

Dibuat 1 Oktober 2020

[JMKNNNS.BPK.100-32/1; PUNS 100/2/4 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
 Negeri Sembilan*

N.S. P.U. 5.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
 (NEGERI SEMBILAN) 2003**

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

AJARAN MILLAH ABRAHAM @ IBRAHIM

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 *[Enakmen No. 10/ 2003]*, Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Bahawa ajaran Millah Abraham @ Ibrahim adalah bercanggah dan bertentangan dengan ajaran Islam.

2. Ciri-ciri percanggahan dan pertentangan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim adalah seperti yang berikut:

- (a) membawa ajaran dan kerajaan baharu atas nama Millah Abraham @ Ibrahim;
- (b) mendakwa ada Rasul selepas Nabi Muhamad S.A.W.;
- (c) mendakwa bahawa orang yang tidak mengikuti ajaran Millah Abraham @ Ibrahim adalah syirik;
- (d) menggabungkan tiga (3) ajaran agama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi;
- (e) menyalahertikan maksud kiamat;
- (f) memahami al-Quran mengikut tafsiran sendiri;
- (g) mengingkari kewajipan solat lima waktu dan solat Jumaat; dan
- (h) taksub sehingga sanggup memutuskan hubungan kekeluargaan dan suami isteri sekiranya tidak mengikuti fahaman dan ajaran ini.

3. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang—

- (i) menganut, mengamal, menjadi ahli atau pengikut ajaran Millah Abraham @ Ibrahim;
- (ii) mengajar, menyebarkan, membantu, menganjur, mempromosi ajaran atau menghadiri apa-apa majlis atau perjumpaan yang dikaitkan dengan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim; atau
- (iii) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau apa-apa bahan yang dikaitkan dengan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim.

4. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.

Dibuat 1 Oktober 2020

[JMKNN.S.BPK.100-32/1: PUNS 100/2/4 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

N.S. P.U. 6.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003***[Enakmen No. 10/2003]***PEMBERITAHUAN FATWA****UPACARA DAN AMALAN PERBOMOHAN IBRAHIM BIN MAT ZIN**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 *[Enakmen No. 10/ 2003]*, Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Bahawa upacara dan amalan perbomohan Ibrahim Mat Zin untuk apa-apa tujuan dengan menggunakan atau tidak menggunakan apa-apa objek adalah menyeleweng dan berlawanan dengan ajaran Islam.
2. Ciri-ciri upacara dan amalan perbomohan Ibrahim Mat Zin yang menyeleweng dan berlawanan dengan ajaran Islam adalah seperti yang berikut:
 - (a) dakwaan memperoleh ilmu dari harimau jadian dan sebagainya adalah bercanggah dengan ajaran Islam kerana menggunakan unsur-unsur penipuan dan meminta pertolongan makhluk halus;
 - (b) dakwaan mampu menangkap jin dan syaitan adalah bercanggah dengan ajaran Islam kerana perkara tersebut merupakan khusussiyyah Nabi semata-mata;
 - (c) terdapat unsur penipuan dengan meletakkan syarat-syarat yang sukar dilakukan dan mendakwa hanya Ibrahim Mat Zin sahaja yang boleh melakukannya; atau
 - (d) alat-alat yang digunakan dalam upacara dan amalan perbomohan Ibrahim Mat Zin menggunakan unsur-unsur khurafat dan tahyul yang ditolak oleh Islam antaranya seperti yang berikut:
 - (i) tebu salak hitam yang digunakan untuk menangkap toyol dan pelesit;
 - (ii) air zam-zam yang telah disumpah dengan jampi yang digunakan untuk melemahkan toyol dan pelesit; atau
 - (iii) pokok durian tunggal yang mati beragan, tampi beras yang dianyam oleh 44 orang anak dara sunti, mata pancing dan buah selasih putih yang digunakan untuk membuang ilmu hitam.

3. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpul adalah dilarang—
 - (a) menganut, mengamal, menjadi ahli atau pengikut upacara dan amalan perbomohan Ibrahim Mat Zin;
 - (b) mengajar, menyebarkan, membantu, menganjur, mempromosi upacara dan amalan perbomohan Ibrahim Mat Zin; atau
 - (c) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau apa-apa bahan yang dikaitkan dengan upacara dan amalan perbomohan Ibrahim Mat Zin.
4. Mana-mana orang Islam adalah dilarang bersubahat daripada melakukan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam perenggan 3.
5. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan upacara dan amalan perbomohan Ibrahim Mat Zin adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.

Dibuat 1 Oktober 2020

[JMKNNNS.BPK.100-32/1: PUNS 100/2/4 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI AHMAD
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*